

Headline **100 orang hamba seks lelaki gay**
Date **10 Mar 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **324 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,817**
PRValue **8,451**



Kacak, pandai berkata-kata menyebabkan ramai pemuda terpedaya **100 orang hamba seks lelaki gay**

Oleh **NOR SHAFAWATI YUP**
shafawati.yup@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Seorang lelaki gay menunjukkan kehebatannya apabila dia yang mempunyai rupa paras kacak dan pandai berkata-kata mampu memikat 100 lelaki untuk dijadikan teman seks sebelum mencuri barang-barang berharga mangsanya.

Sasaran suspek yang masih bebas itu melibatkan remaja lelaki berusia 17 tahun hingga 20-an. Mangsa-mangsa dipikat melalui rangkaian laman sosial Facebook dan sebahagiannya menerusi panggilan telefon.

Semalam, tembelang lelaki berusia 20-an yang menggunakan pelbagai nama samaran seperti Kevin, Alvin, Alex dan Elvis itu terbongkar apabila empat mangsa tampil membuat aduan di Jabatan Perkhidmatan dan Pengaduan MCA, Wisma MCA sini semalam.

Mengikut maklumat dari Facebook, suspek sehingga kini dipercayai telah berjaya memperdaya seramai 193 mangsa dengan mencuri barang berharga mereka manakala 100 daripada mangsa itu pula mengaku mengadakan hubungan seks dengan suspek itu.

Mangsa-mangsa yang melakukan hubungan seks dengan suspek dikhuatiri dijangkiti HIV (Immunodeficiency virus) ekoran pengakuan suspek dia mempunyai HIV.

Seorang mangsa dari Cheras yang mahu dikenali sebagai Tai, 17, mendakwa, dia mengenali suspek yang menggunakan nama Kevin pada bulan Oktober 2010 melalui sebuah majalah mencari kenalan.

Pada keesokan harinya, Tai dan Kevin bertemu sebelum mangsa dibawa ke sebuah hotel di Ampang dan melakukan hubungan seks.

"Saya membawa Kevin pulang dan ketika tertidur Kevin hilang

bersama komputer riba saya yang berharga RM2,000," dakwa Tai.

Selepas kejadian itu, Tai membuat pemeriksaan kesihatan di sebuah hospital dan hasil ujian mendapati dia dijangkiti sejenis penyakit kelamin.

Mangsa kedua, Tan, 22, berkata, dia mengenali suspek sama yang menggunakan nama Alex menerusi rakannya sebelum mengadakan berasmara di sebuah hotel di sini.

"Ketika mandi di bilik air di hotel itu, Alex melarikan kad pengeluaran wang mesin automatik (ATM), telefon bimbit dan wang tunai berjumlah RM50 milik saya yang menyebabkan saya kerugian RM5,000," kata Tan lagi.

Sementara itu, mangsa ketiga, Kor, 22, seorang jurujual dari Pulau Pinang mengenali suspek sebagai Kelvin dua tahun lalu melalui rakan dan menyifatkan suspek sebagai seorang yang pandai mengambil hati sehingga dia sanggup melakukan hubungan seks di sebuah hotel di Cheras.

Kali terakhir, Kevin ada menghubunginya pada 28 Februari lalu dan memohon maaf selepas mengaku dia telah disahkan sebagai pembawa HIV.

Mangsa keempat, Lee, 24, dari Petaling Jaya mendakwa mengalami kerugian sebanyak RM3,000 hasil hubungan dengan suspek yang menggunakan nama samaran Alvin.

Lee dipercayai menjadi mangsa terbaru suspek itu apabila mereka kali terakhir bertemu pada 26 Februari lalu selepas Alvin menawarkan untuk menghantarnya ke tempat kerja.

Lee dan Alvin telah berkenalan sejak Ogos 2010 melalui Facebook. Sepanjang perhubungan itu, Alvin didakwa telah mencuri telefon bimbit, kad kredit dan komputer

ribanya miliknya.

Berikutan kejadian itu, Ketua Jabatan Pengaduan dan Perkhidmatan Awam MCA, Datuk Michael Chong berkata, semua mangsa perlu berani tampil membuat aduan bagi memastikan orang lain tidak menjadi mangsa.

“Disebabkan penat saya tertidur dan sebaik terjaga daripada tidur Kevin hilang bersama komputer riba saya yang berharga RM2,000”

TAI



EMPAT mangsa menunjukkan gambar lelaki gay di Jabatan Perkhidmatan dan Pengaduan MCA di Jalan Ampang semalam.